

# MAJLIS BERBUKA PUASA SELIA GROUP BERSAMA TOP MANAGEMENT



Manakala pada 25 Julai 2013, "Majlis Berbuka Puasa with Top Management" telah diadakan bertempat di The Saujana Resort, Kuala Lumpur. Ini adalah merupakan acara tahunan yang dihadiri oleh barisan pengurusan di kalangan warga kerja SELIA Group. Antara yang turut hadir pada majlis tersebut adalah Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Ketua-Ketua Syarikat dan juga Ketua-Ketua Jabatan.

YBhg Datuk Mohamed Zaini Amran telah memberikan ucapan pada majlis tersebut dan berharap SELIA Group akan terus memacu kemajuan dengan komitmen daripada setiap yang hadir. Majlis turut diserikan lagi dengan Solat berjemaah Maghrib, Isyak and Tarawih dan telah dipimpin oleh YBhg Tuan Imam Mohd Shukrie Yaacob dari Masjid Saidina Umar Al Khattab, Bukit Damansara.

